

**P.U. (A) 148.**

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA (PEMERBADANAN)  
(PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 6(1A) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti Darul Iman Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010**.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, “tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Perintah ini mula berkuat kuasa.

**Pertukaran nama Universiti**

3. Universiti Darul Iman Malaysia yang ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Darul Iman (Pemerbadanan) 2006 [*P.U. (A) 208/2006*] hendaklah, dari tarikh yang ditetapkan, dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Tapak Universiti**

4. Tapak Universiti Sultan Zainal Abidin, tempat letaknya Universiti ialah di—
  - (a) Lot PT 1885, Mukim Batu Buruk, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman;
  - (b) Lot PT 21760K, Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, 21300 Terengganu Darul Iman;
  - (c) Lot PT 14553K, Mukim Batu Rakit, Daerah Kuala Terengganu, 21300 Terengganu Darul Iman;
  - (d) Lot PT 25874, Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, 21300 Terengganu Darul Iman; dan
  - (e) Lot PT 5869, Mukim Tembila, Besut, 22000 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

**Segala sebutan mengenai Universiti Darul Iman Malaysia hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti Sultan Zainal Abidin**

5. Segala sebutan mengenai Universiti Darul Iman Malaysia dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dalam apa-apa surat cara, surat ikatan, hak milik, suratan, bon, perjanjian dan perkiraan pengusahaan yang wujud sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Hak, dsb. tidak tersentuh dan prosiding undang-undang tidak menjadi cacat**

6. Pertukaran nama daripada Universiti Darul Iman Malaysia kepada Universiti Sultan Zainal Abidin tidaklah menyentuh apa-apa hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan atau obligasi Universiti Darul Iman Malaysia atau menjadikan cacat apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya.

**Prosiding undang-undang hendaklah diteruskan atas nama Universiti Sultan Zainal Abidin**

7. Prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Universiti Darul Iman Malaysia sebelum tarikh yang ditetapkan boleh diteruskan atau dimulakan atas nama Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Tanggungan boleh dikuatkuasakan terhadap Universiti Sultan Zainal Abidin**

8. Segala tanggungan yang sedia ada yang dilakukan oleh atau bagi pihak atau bagi maksud Universiti Darul Iman Malaysia boleh, pada tarikh yang ditetapkan, dikuatkuasakan terhadap Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Peletakhakan tanah, harta dan aset pada Universiti Sultan Zainal Abidin**

9. Segala tanah, harta dan aset yang sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan terletak hak pada atau dirizabkan bagi Universiti Darul Iman Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terletak hak pada atau dirizabkan bagi Universiti Sultan Zainal Abidin atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya tanpa apa-apa pemindahan, penyerahhakan, atau pemindahmilikan.

Dibuat 13 April 2010  
[KPT.(U).(S)100-1/3/2 Jld. 6; PN(PU<sup>2</sup>)75/T]

Dengan Titah Perintah,

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN  
*Menteri Pengajian Tinggi*

*[Akan dibentangkan di dalam kedua-dua Majlis Parlimen menurut subseksyen 6(2) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971]*

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

UNIVERSITI DARUL IMAN MALAYSIA (INCORPORATION)  
(AMENDMENT) ORDER 2010

IN exercise of the powers conferred by subsection 6(1A) of the Universities and University Colleges Act 1971 [*Act 30*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Name**

1. This order may be cited as the **Universiti Darul Iman Malaysia (Incorporation) (Amendment) Order 2010**.

**Interpretation**

2. In this Order, “appointed date” means the date of coming into force of this Order.

**Change of name of Universiti**

3. The Universiti Darul Iman Malaysia established under the Universiti Darul Iman Malaysia (Incorporation) Order 2006 [*P.U. (A) 208/2006*] shall, as from the appointed date, be known as the Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Sites of Universiti**

4. The sites of Universiti Sultan Zainal Abidin, which shall be the seat of the Universiti, are located at—

- (a) Lot PT 1885, Mukim Batu Buruk, Jalan Sultan Mahmud, 20400 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman;
- (b) Lot PT 21760K, Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, 21300 Terengganu Darul Iman;
- (c) Lot PT 14553K, Mukim Batu Rakit, Daerah Kuala Terengganu, 21300 Terengganu Darul Iman;
- (d) Lot PT 25874, Mukim Kuala Nerus, Daerah Kuala Terengganu, 21300 Terengganu Darul Iman; and
- (e) Lot PT 5869, Mukim Tembila, Besut, 22000 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

**All references to Universiti Darul Iman Malaysia to be construed as references to Universiti Sultan Zainal Abidin**

5. All references to the Universiti Darul Iman Malaysia in any written law or in any instrument, deed, title, document, bond, agreement and working arrangement subsisting immediately before the appointed date shall, on the appointed date, be construed as references to the Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Right, etc. not affected and legal proceedings not rendered defective**

6. The change of name from Universiti Darul Iman Malaysia to Universiti Sultan Zainal Abidin shall not affect any rights, privileges, liabilities, duties or obligations of the Universiti Darul Iman Malaysia or render defective any legal proceedings by or against it.

**Legal proceedings to be continued in the name of Universiti Sultan Zainal Abidin**

7. Legal proceedings that could have been continued or commenced by or against the Universiti Darul Iman Malaysia prior to the appointed date may be continued or commenced in the name of the Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Liabilities enforceable against Universiti Sultan Zainal Abidin**

8. All existing liabilities incurred by or on behalf of or for the purposes of the Universiti Darul Iman Malaysia may, on the appointed date, be enforced against the Universiti Sultan Zainal Abidin.

**Vesting of lands, property and assets in Universiti Sultan Zainal Abidin**

9. All lands, property and assets that immediately before the appointed date were vested in or reserved for the Universiti Darul Iman Malaysia or any person acting on its behalf shall, on the appointed date, vest in or be reserved for the Universiti Sultan Zainal Abidin or any person acting on its behalf without any conveyance, assignment, or transfer whatsoever.

Made 13 April 2010

[KPT.(U).(S)100-1/3/2 Jld. 6; PN(PU<sup>2</sup>)75/T]

By Command,

DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN  
*Minister of Higher Education*

*[To be laid before both Houses of Parliament pursuant to subsection 6(2) of the Universities and University Colleges Act 1971]*